*Sisipan Khas*

Sempena Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-65 Tahun 2011

Pelita Brunei ڤليتا بروني

Akhbar Rasmi Kerajaan Negara Brunei Darussalam

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

SABTU 16 JULAI 2011 / 1432 شعبان 14

# دولت كباوه دولي توان ڤاتيق

# Daulat Kebawah Duli Tuan Patik




## INTI SARI TITAH

- *BRUNEI meneruskan agenda pembangunan yang seimbang dengan mendasari kehendak strategik dengan perlaksanaan yang berkesan dalam Rancangan Kemajuan Negara.*
- *Perancangan sumber tenaga manusia perlu lebih tersusun.*
- *Penggubalan rangkaian undang-undang dan peraturan yang secukupnya, diperlukan untuk menjaga kepentingan pembangunan.*
- *Negara dapat menyediakan peluang-peluang pekerjaan yang lebih luas kepada generasi muda.*
- *Pendekatan pembangunan diteruskan dengan amalan hidup bermuafakat yang sihat, taat beragama dan setia kepada raja berlandaskan MIB atau Melayu Islam Beraja.*
- *Memberikan tumpuan kepada kemajuan pendidikan menerusi skim di bawah Dana Sumber Manusia termasuk Skim Latihan dan Pekerjaan, Skim Pembangunan Keupayaan Sumber Tenaga Di Sektor Swasta dan Skim Biasiswa Dalam Negeri bagi Pendidikan Teknikal dan Vokasional di Institusi Pengajian Swasta.*
- *Pemberian elaun pelajaran kepada pegawai dan kakitangan dalam Perkhidmatan Awam, khusus di institusi-institusi swasta di dalam negeri yang diiktiraf dalam kerajaan.*
- *Elaun pelajaran bagi kursus di peringkat tertiari dilaratkan kepada anak-anak, rakyat dan penduduk tetap yang bekerja di sektor swasta, yang menjadi ahli aktif Tabung Amanah Pekerja. Pemberian elaun ini akan bermula dari 1 Januari 2012.*
- *Memantapkan skim-skim perkhidmatan supaya lebih relevan dan menepati keperluan semasa, di samping menekankan aspek-aspek kelayakan, kemahiran dan latihan.*
- *Bidang perguruan dan perubatan menyediakan skim-skim perkhidmatan baru untuk memperbaiki prospek kerjaya.*
- *Perubahan elaun tambang dilaratkan kepada semua pegawai dan kakitangan perempuan dalam Perkhidmatan Awam yang akan berkuat kuasa pada 1 Januari 2012.*
- *Penggunaan sumber-sumber negara terus dilaksanakan secara berhemat.*
- *Meningkatkan efisiensi pemakaian tenaga dan meneroka penggunaan tenaga alternatif yang boleh diperbaharui atau 'renewable'.*
- *Meneliti satu tarif baru untuk membantu golongan yang berpendapatan rendah dan bagi mengelakkan pembaziran yang akan berkuat kuasa pada 1 Januari 2012.*
- *Penggantian 'post-paid' meter kuasa elektrik kepada 'pre-paid' meter di rumah-rumah persendirian yang akan dilaksanakan secara percuma dan ditanggung sepenuhnya oleh kerajaan.*
- *Perumahan untuk rakyat dibina dan dilaksana dengan lebih cepat dan 'sustainable' dari segi penggunaan tanah, kos pembinaan dan pemberian subsidi kerajaan serta keupayaan pemilik untuk membayarnya.*
- *Satu pengajian dijalankan untuk mengenal pasti satu sistem tabungan agar pemohon perumahan akan dapat menabung untuk perumahaan seawal yang boleh.*
- *Bidang kesihatan memfokus perkhidmatan daripada rawatan (cure) kepada pencegahan (prevention) supaya ianya dapat berdaya tahan dalam jangka panjang.*
- *Bantuan kewangan tahunan pada jumlah yang bersesuaian untuk menampung sebahagian kos operasi NGOs masing-masing.*
- *Prinsip berbaik-baik dengan negara-negara luar dan hormat-menghormati di antara satu dengan yang lain terus dipelihara dan diperkukuhkan.*
- *Peka dengan cabaran-cabaran keselamatan, tradisional dan bukan tradisional bagi mengukuhkan kemajuan institusi keselamatan negara dan mengukuhkan kerjasama serantau dan antarabangsa.*

Ika Iqrami

# Istiadat Perbarisan Kehormatan penuh tradisi



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat ke Istiadat Perbarisan Kehormatan.

**Oleh : Abdullah Asgar, Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad, Saerah Haji Abdul Ghani**
**Foto :**
**Ramli Tengah, Masri Osman, Haji Masmaleh Haji Mohd. Ali, Mohd. Sharizal Haji Said**

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Jumaat, 15 Julai. - Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-65 bermula dengan Istiadat Perbarisan Kehormatan berlangsung di ibu negara.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia berkenan berangkat ke istiadat penuh tradisi yang berlangsung di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien, di sini.

Berangkat sama ke istiadat itu, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisuara Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Haji Jefri Bolkiah.

Keberangkatan baginda di ibu negara dialu-alukan dengan kibaran bendera Negara Brunei Darussalam serta pukulan hadrah oleh penuntut-penuntut sekolah menengah yang berbaris di sepanjang jalan menuju ke upacara Istiadat Barisan Kehormatan tersebut.

Sejurus keberangkatan, Kebawah DYMM berkenan menerima hormat diraja diiringi lagu kebangsaan 'Allah Peliharakan Sultan' oleh Pasukan Pancaragam Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) dan Pasukan Pancaragam Polis Diraja Brunei (PDB) diikuti tembakan meriam sebanyak 21 das.

Baginda kemudian berkenan berangkat memeriksa pasukan-pasukan perbarisan terdiri daripada anggota-anggota Batalion Kedua Tentera Darat Diraja Brunei (TDDB), Tentera Laut Diraja Brunei (TLDB), Tentera Udara Diraja Brunei (TUDB), PDB, jabatan-jabatan beruniform termasuk Jabatan Penjara, Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan, Jabatan Kastam dan Eksais Diraja, Jabatan Bomba dan Penyelamat dan pertubuhan awam seperti Pasukan Kadet Tentera, Pasukan Kadet Polis, Persatuan Pengakap Brunei Darussalam dan Persatuan Bulan Sabit Merah Brunei Darussalam.

Kemudian pasukan-pasukan perbarisan yang membawa Panji-Panji Kebawah DYMM, Panji-Panji Pasukan ABDB dan Panji-Panji Diraja PDB berjalan lalu di depan pentas diraja dalam gerak perlahan dan cepat di bawah pimpinan ketua perbarisan, Leftenan Kolonel Haji Damit bin Haji Bakar.

Laungan tiga kali 'Daulat Kebawah Duli Tuan Patik' disembahkan oleh ke semua pasukan yang mengambil bahagian merupakan acara kemuncak istiadat disusuli dengan terbang lalu pesawat-pesawat TUDB yang mengeluarkan kepulan asap berwarna-warni.

Berangkat dan hadir di istiadat itu, Yang Amat Mulia Pengiran-Pengiran Cheteria, Menteri-Menteri Kabinet, Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat, Timbalan-Timbalan Menteri, Pengiran-Pengiran Peranakan, Pehin-Pehin Manteri dan Menteri-Manteri Pendalaman, para perwakilan asing ke negara ini dan pegawai-pegawai kanan kerajaan serta para jemputan.

Turut hadir di istiadat yang menandakan bermulanya acara-acara sambutan ulang tahun Hari Keputeraan baginda ke-65 termasuklah tetamu-tetamu khas baginda daripada kalangan negara-negara jiran dan sahabat.

Antaranya termasuklah Tuan Yang Terutama Dato Seri Setia Al-Sayed Walid Ismail Al-Kurdi, 'Hashemit Kingdom of Jordan'; Ketua Menteri Sarawak, Yang Amat Berhormat Pehin Sri Dr. Haji Abdul Taib bin Mahmud dan Yang Mulia Puan Sri Raghad Kurdi Taib; Ketua Menteri Sabah, Yang Amat Berhormat Datuk Musa bin Haji Aman dan Yang Amat Berbahagia Datin Hajjah Faridah binti Haji Tussin; Menteri Pembangunan Nasional Singapura, Yang Mulia Tuan Yang Terutama Mr. Khaw Boon Wan dan Yang Mulia Ms. Lai Loo Mee; Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan Malaysia, Yang Berhormat Dato' Sri Ismail bin Yaakob dan Yang Berbahagia Datin Sri Muhaini binti Zainal Abidin; Menteri Pertahanan Indonesia, Tuan Yang Terutama Prof. Ir Purnomo Yusgiantoro dan isteri, Ibu Lies Prunomo; Setiausaha bagi Kewangan Filipina, Tuan Yang Terutama Mr. Cesar V. Purisima dan Yang Mulia Mrs. Maria Corazon Purisima dan Panglima Tentera Nasional Indonesia, Tuan Yang Terutama Laksamana Agus Suhartono dan Yang Mulia Ibu Tetty Agus Suhartono.



BERANGKAT sama ke Istiadat itu ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisuara Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Haji Jefri Bolkiah.







SEBAHAGIAN tetamu-tetamu khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia dari kalangan negara-negara jiran dan sahabat serta Menteri-Menteri yang hadir menyaksikan Istiadat Perbarisan Kehormatan sempena sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan baginda ke-65.







GAMBAR-GAMBAR merakamkan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan memeriksa pasukan-pasukan perbarisan terdiri daripada anggota-anggota Batalion Kedua Tentera Darat Diraja Brunei (TDDB), Tentera Laut Diraja Brunei (TLDB), Tentera Udara Diraja Brunei (TUDB), Pasukan Polis Diraja Brunei (PDB), jabatan-jabatan beruniform termasuk Jabatan Penjara, Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan, Jabatan Kastam dan Eksais Diraja, Jabatan Bomba dan Penyelamat dan pertubuhan awam seperti Pasukan Kadet Tentera, Pasukan Kadet Polis, Persatuan Pengakap Brunei Darussalam dan Persatuan Bulan Sabit Merah Brunei Darussalam.

BERANGKAT sama ke istiadat tersebut ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al - Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah.







ACARA kemuncak istiadat dengan terbang lalu pesawat-pesawat TUDB yang mengeluarkan kepulan asap berwarna-warni di udara (atas).

ANTARA orang ramai yang hadir menyaksikan Istiadat Perbarisan Kehormatan yang berlangsung di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien (bawah).







Pelita Brunei





# Istiadat Mengadap dan Mengurniakan Bintang-Bintang Kebesaran gilang-gemilang

Oleh : Samle Haji Jait
Foto : Ramli Tengah, Pg. Haji Bahar Pg. Haji Omar, Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah, Hernie Suliana Haji Othman

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Jumaat, 15 Julai. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam berkenan berangkat ke Istiadat Mengadap dan Mengurniakan Bintang-Bintang Kebesaran serta Pingat-Pingat Kehormatan Negara Brunei Darussalam Sempena Ulang Tahun Hari Keputeraan Baginda Ke-65 di Istana Nurul Iman, di sini.

Dalam istiadat yang berlangsung di Singgahsana Indera Buana itu baginda berkenan dengan mengurniakan titah dan seterusnya menyempurnakan pengurniaan Bintang-Bintang Kebesaran dan Pingat-Pingat Kehormatan Negara Brunei Darussalam kepada 61 orang penerima.

Semasa bertitah, baginda sangat prihatin menyentuh agenda-agenda bagi pembangunan rakyat dan negara, di samping menekankan aspek-aspek yang menjamin masa depan negara terutama menjurus kepada bidang pendidikan, keselamatan, kemajuan Perkhidmatan Awam dan isu-isu yang berhubung kait dengan pendapatan negara.

Berangkat di istiadat itu ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah dan Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Hajah Zariah; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisuara Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah dan Yang Amat Mulia Pengiran Bini Hajah Faizah; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Haji Jefri Bolkiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda Haji 'Abdul 'Azim dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Mateen.

Juga berangkat ialah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Rashidah Sa'adatul Bolkiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Muta-Wakkilah Hayatul Bolkiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Majeedah Nuurul Bolkiah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Hafizah Sururul Bolkiah.

Berangkat sama ialah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Nor'ain serta kerabat diraja yang lain.

Sementara itu, tetamu khas baginda, Yang Teramat Mulia Puteri Basma binti Talal dan Tuan Yang Terutama Dato Seri Setia Al-Sayed Walid Ismail Al-Kurdi; Ketua Menteri Sarawak, Yang Amat Berhormat Pehin Sri Dr. Haji Abdul Taib bin Mahmud dan Yang Mulia Puan Sri Raghad Kurdi Taib; Ketua Menteri Sabah, Yang Amat Berhormat Datuk Musa bin Haji Aman dan Yang Amat Berbahagia Datin Hajjah Faridah binti Haji Tussin; Menteri Pembangunan Nasional Singapura, Tuan Yang Terutama Khaw Boon Wan dan Yang Mulia Puan Lai Loo Mee; Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan Malaysia, Yang Berhormat Dato' Sri Ismail bin Yaakob dan Datin Sri Muhaini binti Zainal Abidin; Menteri Pertahanan Indonesia, Tuan Yang Terutama Prof. Ir Purnomo Yusgiantoro dan isteri, Ibu Lies Purnomo; Setiausaha bagi Kewangan Filipina, Tuan Yang Terutama Cesar V. Purisima dan Yang Mulia Maria Corazon Purisima serta Panglima Tentera Nasional Indonesia, Tuan Yang Terutama Laksamana Agus Suhartono dan Ibu Tetty Agus Suhartono.

Berangkat dan hadir di istiadat itu ialah Yang Amat Mulia Pengiran-Pengiran Cheteria, Menteri-Menteri Kabinet, Pengiran-Pengiran Peranakan, Ahli-ahli Mesyuarat, Timbalan Timbalan Menteri, Menteri-Menteri Pendalaman, para perwakilan asing, Setiausaha-Setiausaha Tetap, ketua-ketua jabatan dan pegawai-pegawai kanan kerajaan.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam berkenan berangkat ke Istiadat Mengadap dan Mengurniakan Bintang-Bintang Kebesaran serta Pingat-Pingat Kehormatan Negara Brunei Darussalam Sempena Ulang Tahun Hari Keputeraan Baginda Ke-65.









BERANGKAT sama ke Istiadat Mengadap dan Mengurniakan Bintang-Bintang Kebesaran serta Pingat-Pingat Kehormatan Negara Brunei Darussalam ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah berserta kerabat diraja yang lain (atas, atas kiri, kiri dan kanan).





## 61 orang dikurniakan Bintang Kebesaran Negara

Oleh :
Hajah Siti Zuraihah
Haji Awang Sulaiman

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Jumaat, 15 Julai. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan Bintang-Bintang Kebesaran Negara Brunei Darussalam kepada 61 penerima sempena Hari Keputeraan baginda ke-65 tahun di Balai Singgahsana Indera Buana, Istana Nurul Iman, di sini.

Mendahului senarai penerima pengurniaan Bintang Kebesaran Negara ialah Panglima Tentera Nasional Indonesia, Tuan Yang Terutama Laksamana Agus Suhartono dan Pesuruhjaya Polis Diraja Brunei, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Pendikar Alam Dato Paduka Awang Haji Hasrin bin Dato Paduka Haji Sabtu yang menerima Darjah Paduka Keberanian Laila Terbilang Yang Amat Gemilang Darjah Pertama (D.P.K.T) yang membawa gelaran Dato Paduka Seri.

Diikuti pengurniaan bintang Darjah Pahlawan Negara Brunei Yang Amat Perkasa Darjah Pertama (P.S.P.N.B) yang membawa gelaran Dato Seri Pahlawan kepada lima penerima iaitu Yang Dimuliakan Pehin Datu Pekerma Jaya Brigedier Jeneral Awang Muhd. Taweh bin Abdullah; Brigedier Jeneral (D) Awang Haji Yusof bin Haji Abdul Rahman; Laksamana Pertama Awang Haji Abdul Halim bin Haji Mohd. Hanifah; Brigedier Jeneral (U) Awang Haji Jofri bin Haji Abdullah dan Laksamana Pertama Awang Abdul Aziz bin Mohd. Tamit.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia juga berkenan mengurniakan Bintang Kebesaran Negara, Darjah Setia Negara Brunei Yang Amat Bahagia Darjah Pertama (P.S.N.B) yang membawa gelaran Dato Seri Setia kepada Menteri Tenaga di Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat Pehin Datu Singamanteri Kolonel (B) Dato Seri Paduka Awang Haji Mohd. Yasmin bin Haji Umar; Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Dr. Haji Mohammad bin Pengiran Haji Abdul Rahman dan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Paduka Awang Haji Hazair bin Haji Abdullah.

Darjah Seri Paduka Mahkota Brunei Yang Amat Mulia Darjah Pertama (S.P.M.B) yang membawa gelaran Dato Seri Paduka pula dikurniakan kepada Peguam Negara, Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Hayati binti Pehin Orang Kaya Shahbandar Dato Seri Paduka Haji Mohd. Salleh.

Seramai lima orang lagi penerima dikurniakan Darjah Paduka Seri Laila Jasa Yang Amat Berjasa Darjah Kedua (D.S.L.J) yang membawa gelaran Dato Seri Laila Jasa iaitu Peter Voser, Malcolm Brinded, Dr. Babu Sukumaran, Dr. Lim Hoek Seng dan Profesor Uta Meyding Lamade.

Manakala seramai 13 orang penerima pula dikurniakan Darjah Seri Paduka Mahkota Brunei Yang Amat Mulia Darjah Kedua (D.P.M.B) yang membawa gelaran Dato Paduka.

Mereka ialah Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Haji Bahrom bin Pengiran Haji Bahar; Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Mulia Datin Hajah Adina binti Othman; Tuan Yang Terutama Pehin Datu Panglima Kolonel (B) Awang Haji Abdul Jalil bin Haji Ahmad; Setiausaha Tetap di Jabatan Perdana Menteri (Tenaga), Awang Haji Matsatejo bin Sokiaw; Setiausaha Tetap Kementerian Kewangan (Monetari), Awang Haji Mohd. Roselan bin Haji Mohd. Daud; Setiausaha Tetap Kementerian Kewangan (Fiscal), Awang Haji Hisham bin Haji Mohd. Hanifah dan Naib Canselor Universiti Brunei Darussalam, Dr. Haji Zulkarnain bin Haji Hanafi.

Juga menerima ialah 204 Kolonel Awang Haji Harith bin Haji Abdul Karim, Yang Dimuliakan Begawan Pehin Khatib Awang Haji Hamidon bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Paduka Seri Setia Haji Abdul Hamid, Awang Haji Zakeria bin Haji Ismail, Dr. Haji Mohd. Isham bin Haji Jaafar, Profesor Madya Dr. Hajah Zaitun binti Haji Taha dan Matron Dayang Hajah Hadijah binti Haji Hassan.

Seramai lima orang menerima Darjah Seri Ugama Islam Negara Brunei Yang Amat Bersinar Darjah Ketiga (S.S.U.B) ialah Pengiran Haji Mohd. Tashim bin Pengiran Haji Hassan, Awang Haji Mail bin Besar, Dayang Hajah Mahani binti Haji Musa, Dayang Hajah Sa'eimah binti Haji Abdul Salam dan Dayang Hajah Rusma binti Haji Kepli.

Baginda seterusnya berkenan mengurniakan Bintang Kebesaran Negara Darjah Setia Negara Brunei Yang Amat Bahagia Darjah Ketiga (S.N.B) kepada 25 penerima ialah Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad; Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Haji Abdul Aziz bin Orang Kaya Maharaja Lela Haji Mohd. Yussof; Awang Yahya bin Haji Idris, Awang Haji Salleh Bostaman bin Haji Zainal Abidin, 205 Kolonel Pengiran Zulkifli bin Pengiran Haji Ismail, Awang Haji Mohd. Yunos bin Bolhassan, Awang Haji Mohammad Alimin bin Haji Mohd. Tanjong, Awang Haji Daud bin Haji Duraman, Poh Eng Hong, Profesor Madya Dr. Awang Haji Hashim bin Haji Abdul Hamid dan Awang Haji Ahmad bin Haji Tudin.

Juga menerima ialah Awang Haji Nasir bin Haji Damit, Awang Haji Othman bin Haji Judin, Awang Haji Ibrahim bin Mohd. Yusoff, Awang Haji Metussin bin Haji Mohammad, Awang Haji Ismail bin Pehin Orang Kaya Ratna Seri Dato Setia Awang Haji Abdul Hapidz, Pengiran Julaihi bin Pengiran Dato Paduka Othman, Awang Haji Jabair bin Abdullah, Dayang Hajah Hartini binti Abdullah, Dr. Hajah Rahmah binti Haji Md Said, Dayang Hajah Hasnah binti Ibrahim, Dayang Hajah Ainun binti Haji Abdullah, Sister Liang Swee Leng; Sister Teresa Wong Ng Moi dan Esther Linau Batang.

Bintang Kebesaran Negara yang terakhir pula dikurniakan kepada Akinobu Nomura dan Dr. Haji Shaukat Zinna yang menerima Darjah Paduka Seri Laila Jasa Yang Amat Berjasa Darjah Ketiga (S.L.J).

Istiadat Pengurniaan Bintang Kebesaran Negara diakhiri bacaan doa selamat oleh Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned.









GAMBAR-GAMBAR merakamkan Kebawah Duli Yang Maha Mulia berkenan mengurniakan Bintang-Bintang Kebesaran serta Pingat-Pingat Kehormatan Negara Brunei Darussalam yang dikurniakan kepada 61 penerima sempena Hari Keputeraan baginda ke-65 tahun di Balai Singgahsana Indera Buana, Istana Nurul Iman.

# Berkenan menerima mengadap tetamu-tetamu khas luar negara

**Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi, Haniza Abdul Latif**
**Foto : Haji Md. Yussof Haji Md. Yassin, Azmah Haji Ahad**

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 15 Julai. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam berkenan menerima mengadap tetamu-tetamu khas luar negara yang menghadiri Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Baginda Ke-65 Tahun yang berlangsung di Istana Nurul Iman, di sini.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia mula-mula berkenan menerima mengadap Yang Teramat Mulia Puteri Basma binti Talal, 'Hashemite Kingdom of Jordan' dan Tuan Yang Terutama Dato Seri Setia Al-Syed Walid Ismail Al-Kurdi.

Kemudian baginda berkenan pula menerima mengadap Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan, Malaysia, Yang Berhormat Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob dan Yang Berbahagia Datin Sri Muhaini binti Zainal Abidin.

Ke muka 7



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam berkenan menerima mengadap kerabat diraja dari Jordan, Yang Teramat Mulia Puteri Basma binti Talal, 'Hashemite Kingdom of Jordan' dan Tuan Yang Terutama Dato Seri Setia Al-Sayed Walid Ismail Al-Kurdi.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia berbual mesra bersama Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan, Malaysia, Yang Berhormat Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri berbual mesra bersama, Yang Berbahagia Datin Sri Muhaini binti Zainal Abidin.





KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri berkenan menerima mengadap Ketua Menteri Sarawak, Yang Amat Berhormat Pehin Sri Dr. Haji Abdul Taib bin Mahmud dan isteri, Yang Mulia Puan Sri Raghad Kurdi Taib (kiri dan kanan).





KEBAWAH DYMM berkenan menerima mengadap Ketua Menteri Sabah, Yang Amat Berhormat Datuk Musa Haji Aman (kiri), manakala gambar kanan, Kebawah DYMM Baginda Raja Isteri berbual mesra bersama Yang Amat Berbahagia Datin Hajjah Faridah binti Haji Tussin.





KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha berkenan menerima mengadap Menteri Pertahanan Indonesia, Tuan Yang Terutama Prof. Ir Purnomo Yusgiantoro dan isteri, Ibu Lies Purnomo.

Dari muka 7

Setelah itu Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri berkenan pula menerima mengadap Ketua Menteri Sarawak, Yang Amat Berhormat Pehin Sri Dr. Haji Abdul Taib Mahmud dan Yang Mulia Puan Sri Raghad Kurdi Taib.

Kebawah DYMM dan Kebawah DYMM Raja Isteri seterusnya berkenan mengadap Ketua Menteri Sabah, Yang Amat Berhormat Dato Musa bin Haji Aman dan Yang Amat Berbahagia Datin Hajjah Faridah binti Haji Tussin.

Setelah itu, baginda dan Baginda Raja Isteri kemudiannya berkenan menerima mengadap Menteri Bagi Pembangunan Nasional Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Khaw Boon Wan dan Yang Mulia Puan Lai Loo Mee.

Juga mengadap ke hadapan majlis Kebawah DYMM dan Kebawah DYMM Raja Isteri ialah Menteri Pertahanan Indonesia, Tuan Yang Terutama Profesor Ir. Purnomo Yusgiantoro dan Ibu Lies Purnomo.

Baginda dan Baginda Raja Isteri juga berkenan menerima mengadap Setiausaha Bagi Kewangan, Republik Filipina, Tuan Yang Terutama Cesar V. Purisima dan Yang Mulia Puan Maria Corazon Purisima.

Terakhir diterima mengadap ke hadapan majlis baginda berdua ialah Panglima Tentera Nasional Indonesia, Tuan Yang Terutama Laksamana Dato Paduka Seri Agus Suhartono dan Yang Mulia Datin Ibu Tetty Agus Suhartono.





KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri berkenan berbual mesra bersama Menteri Bagi Pembangunan Nasional, Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Khaw Boon Wan dan Yang Mulia Puan Lai Loo Mee.





KEBAWAH DYMM berkenan menerima mengadap Setiausaha Bagi Kewangan, Republik Filipina, Tuan Yang Terutama Cesar V. Purisima, manakala gambar kiri, Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Raja Isteri berkenan menerima mengadap Yang Mulia Puan Maria Corazon Purisima.





BAGINDA berbual mesra bersama Panglima Tentera Nasional Indonesia, Tuan Yang Terutama Laksamana Dato Paduka Seri Agus Suhartono, manakala gambar kiri, Baginda Raja Isteri berkenan menerima mengadap Yang Mulia Datin Ibu Tetty Agus Suhartono.

# Berangkat ke Majlis Persantapan Negara

**Oleh : Abu Bakar Haji Abdul Rahman,**
**Rohani Haji Abdul Hamid**
**Foto : Haji Masmaleh Haji Mohd. Ali,**
**Pg. Amirulnizam Pg. Haji Mohd. Ali,**
**Mohd. Sahrizal Haji Said,**
**Dk. Nur Hafilah Pg. Osman**

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Jumaat, 15 Julai. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam berkenan berangkat ke Majlis Persantapan Negara sempena sambutan ulang tahun Hari Keputeraan baginda yang ke-65.

Sebelum berangkat ke Majlis Persantapan Negara, Kebawah DYMM dan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Raja Isteri berkenan menerima mengadap para tetamu khas baginda yang hadir di Majlis Persantapan Negara, berlangsung di ruang lain Istana Nurul Iman.

Selepas Majlis Mengadap, Kebawah DYMM berdua beredar ke Dewan Persantapan disertai kerabat-kerabat diraja yang lain.

Sejurus keberangkatan di Dewan Persantapan, lagu kebangsaan dikumandangkan disusuli doa selamat dibacakan oleh Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned.



**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam berkenan berangkat ke Majlis Persantapan Negara sempena sambutan ulang tahun Hari Keputeraan baginda yang ke-65. Berangkat sama ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah.**



**KEBAWAH DYMM dan Kebawah DYMM Raja Isteri bersama YTM Puteri Basma binti Talal, 'Hashemite Kingdom of Jordan'.**



**KETUA Menteri Sarawak, Yang Amat Berhormat Pehin Sri Dr. Haji Abdul Taib Mahmud dan Yang Mulia Puan Sri Raghad Kurdi Taib; Ketua Menteri Sabah, Yang Amat Berhormat Dato Musa bin Haji Aman dan Yang Amat Berbahagia Datin Hajjah Faridah binti Haji Tussin.**



**SETIAUSAHA Bagi Kewangan, Republik Filipina, Tuan Yang Terutama Cesar V. Purisima dan Puan Maria Corazon Purisima.**

Berangkat sama di Majlis Persantapan Negara itu ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah, DYTM Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah dan YTM Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Hajah Zariah; DYTM Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisuara Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah dan YAM Pengiran Bini Hajah Faizah; DYTM Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Haji Jefri Bolkiah dan YAM Pengiran Anak Isteri Pengiran Norhayati; YTM Paduka Seri Duli Pengiran Muda Haji 'Abdul 'Azim, YTM Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik dan YTM Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Mateen.

Juga berangkat ialah YTM Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Rashidah Sa'adatul Bolkiah; YTM Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Muta-Wakkilah Hayatul Bolkiah; YTM Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Majeedah Nuurul Bolkiah; YTM Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Hafizah Sururul Bolkiah; YTM Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna dan YTM Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Nor'ain.

Majlis Persantapan Negara itu dimeriahkan lagi dengan percikan bunga api yang berwarna-warni menghiasi ruang angkasa Istana Nurul Iman.

Antara tetamu khas luar negara yang hadir YTM Puteri Basma binti Talal, 'Hashemite Kingdom of Jordan' dan Tuan Yang Terutama Dato Seri Setia Al-Sayed Walid Ismail Al-Kurdi; Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan, Malaysia, Yang Berhormat Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob dan Yang Berbahagia Datin Sri Muhaini binti Zainal Abidin; Ketua Menteri Sarawak, Yang Amat Berhormat Pehin Sri Dr. Haji Abdul Taib Mahmud dan Yang Mulia Puan Sri Raghad Kurdi Taib; Ketua Menteri Sabah, Yang Amat Berhormat Dato Musa bin Haji Aman dan Yang Amat Berbahagia Datin Hajjah Faridah binti Haji Tussin; Menteri Bagi Pembangunan Nasional, Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Khaw Boon Wan dan Puan Lai Loo Mee; Menteri Pertahanan Indonesia, Tuan Yang Terutama Profesor Ir. Purnomo Yusgiantoro dan Puan Lies Purnomo; Setiausaha Bagi Kewangan, Republik Filipina, Tuan Yang Terutama Cesar V. Purisima dan Puan Maria Corazon Purisima dan Panglima Tentera Nasional Indonesia, Tuan Yang Terutama Laksamana Dato Paduka Seri Agus Suhartono dan Datin Tetty Agus Suhartono.



**BERANGKAT sama ialah DYTM Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah dan YTM Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Hajah Zariah; DYTM Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisuara Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah dan YAM Pengiran Bini Hajah Faizah; DYTM Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Haji Jefri Bolkiah dan YAM Pengiran Anak Isteri Pengiran Norhayati; YTM Paduka Seri Duli Pengiran Muda Haji 'Abdul 'Azim, YTM Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik dan YTM Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Mateen.**



**JUGA berangkat ialah YTM Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Rashidah Sa'adatul Bolkiah, YTM Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Muta-Wakkilah Hayatul Bolkiah, YTM Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Majeedah Nuurul Bolkiah, YTM Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Hafizah Sururul Bolkiah, YTM Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna dan YTM Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Nor'ain.**

Juga hadir di Majlis Persantapan tersebut ialah Yang Amat Mulia Pengiran-Pengiran Cheteria, Menteri-menteri Kabinet, Ahli-ahli Majlis Mesyuarat, Timbalan-Timbalan Menteri Kabinet, Pengiran-Pengiran Peranakan, Pehin-Pehin Manteri dan Manteri-Manteri Pendalaman, para perwakilan asing ke negara ini dan pegawai-pegawai kanan kerajaan serta para jemputan.

Majlis Persantapan Negara turut diserikan dengan persembahan muzik oleh Kumpulan Senandung Budaya, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan Pancaragam Pasukan Polis Diraja Brunei.